



**Nikmati
Perlindungan
Takaful
Melangkaui
Legasi**

M-Zahra PROTECT ELITE TAKAFUL

Pelan yang melangkaui perlindungan - menawarkan perancangan legasi di samping pelbagai kelebihan tambahan, memastikan keluarga anda terus sejahtera di masa depan.

- Perlindungan sehingga 300% untuk kematian dan 200% untuk keilangan menyeluruh dan kekal (KMK)
- Tingkatkan perlindungan tambahan sehingga 50%
- Potensi pulangan pelaburan yang tinggi dengan pelaburan tetap
- Perlindungan sehingga 48 penyakit kritikal
- Memenuhi tuntutan rohani melalui amal jariah

TAKAFUL MALAYSIA ADALAH AHLI PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM). MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SUJIL YANG LAYAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

 **بنك معاملة**
Bank Muamalat
Khidupan lebih baik, bersama

Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.



[mybankmuamalat](https://www.bankmuamalat.com.my)



[@bankmuamalatmy](https://www.tiktok.com/@bankmuamalatmy)



Whatsapp kami
+603-2692 3393

03 2600 5500
www.muamalat.com.my



Ahli kumpulan

DRB-HICOM

Adakah legasi yang anda tinggalkan akan berkekalan?

Dalam kehidupan yang penuh dengan ketidakpastian, tiada sesiapa yang mengetahui apa akan berlaku pada masa depan. Oleh itu, sesetengah orang membina legasi dari awal sehingga ia menjadi legasi yang membanggakan. Segalanya untuk kesejahteraan mereka dan orang yang disayangi.

YA

Adakah anda meninggalkan legasi yang mencukupi untuk keluarga anda?

TIDAK



Waris mungkin menghadapi cabaran dalam menguruskan sendiri harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati.



Kestabilan kewangan keluarga boleh terjejas tanpa perancangan harta pusaka yang sewajarnya.



Kekurangan pemahaman keluarga mengenai konsep pengalihan kekayaan.



Tanggungan mungkin mengalami kelewatan dalam mengakses aset si mati.



Harta pusaka si mati perlu menyelesaikan hutang yang ditinggalkan oleh si mati.



Mereka mungkin perlu mencagarkan aset untuk meneruskan kehidupan.



Risiko kebangkrutan harta pusaka si mati akibat beban hutang yang ditinggalkan oleh si mati.



Perlu meminta dan bergantung kepada bantuan orang lain.

Disebabkan isu-isu di atas, setakat 2024, isu aset beku di Malaysia telah mencecah RM90 bilion!*

*<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/02/1058007/tingkat-kesedaran-ambil-hibah>

Bagaimanakah anda boleh melindungi dan mengekalkan legasi anda? Inilah cara anda boleh mengagihkan legasi anda dengan mudah.

Memperkenalkan **M-Zahra Protect Elite Takaful**, plan takaful yang inovatif dan boleh **direka khas** untuk memenuhi keperluan anda sekeluarga. Dengan **perlindungan tinggi** dan pendekatan proaktif, anda boleh yakin bahawa masa depan orang yang disayangi dilindungi. Jadi, anda boleh hidup tanpa kebimbangan. Penuhi keperluan rohani anda sambil memastikan hari akan datang yang makmur dan sejahtera untuk keluarga anda.



Perlindungan Tinggi supaya Dilindungi secara Maksimum

Dapatkan perlindungan sehingga 4 kali ganda jumlah perlindungan asas, tanpa pemeriksaan kesihatan sehingga RM3 juta.



Fleksibiliti untuk Menambah Perlindungan Anda

Tingkatkan perlindungan anda mengikut keperluan dan kemampuan anda dengan 7 pilihan manfaat tambahan.



Pilihan Pembayaran Pendek Untuk Perlindungan Sehingga Umur 80 Tahun

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran yang anda inginkan - sesingkat 5 tahun - dan anda tetap akan menikmati perlindungan sehingga tamat tempoh plan.



Meningkatkan Potensi Pelaburan Anda

Dengan mySaver, anda boleh memilih untuk melabur dalam mana-mana 7 dana tempatan dan global yang patuh Syariah.



Melangkaui Perlindungan Takaful dengan myCharity

Dengan rider myCharity, manfaat-manfaat akan disumbangkan kepada mana-mana 7 kategori amal terpilih untuk membantu komuniti yang memerlukan.



Ganjaran Pencapaian Hidup

Dapatkan ganjaran pencapaian hidup apabila anda berkahwin, kelahiran anak, membeli hartanah atau tamat pengajian tinggi.

Tingkatkan perlindungan anda dengan rider berikut:

Sesuaikan pelan anda dengan rider tambahan yang menawarkan manfaat unik untuk memenuhi keperluan khusus anda. Setiap rider meningkatkan perlindungan anda, memberikan anda ketenangan fikiran dan kawalan yang lebih menyeluruh atas masa depan anda.



myWaiver - Anda tidak perlu bimbang tentang caruman masa depan.

Sepanjang tempoh perlindungan, jika anda didiagnosis dengan mana-mana satu dari 47 penyakit kritikal selepas tempoh menunggu, jumlah perlindungan rider ini akan membantu untuk membayar baki caruman anda.



myProtect Booster - Anda boleh mendapatkan lebih banyak perlindungan.

Dapatkan tambahan 10% daripada jumlah perlindungan asas awal, yang akan dibayar setiap 5 tahun di atas pelan asas, sehingga maksimum 50%.



myPayor Plus - Anda berasa tenang kerana mengetahui anak atau pasangan anda dilindungi dengan baik.

Jika anda menyertai pelan ini untuk orang tersayang, dan sepanjang tempoh perlindungan tersebut, anda meninggal dunia, menderita keilangan menyeluruh dan kekal (KMK), atau didiagnosis mana-mana satu dari 47 penyakit kritikal selepas tempoh menunggu, jumlah perlindungan rider ini akan membantu untuk membayar baki caruman anda.



myParent Term - Anda boleh memastikan bahawa dana masa depan anak-anak anda stabil.

Sekiranya berlaku kematian peserta dalam tempoh perlindungan, amaun akan dibayar kepada dana berkaitan pelaburan (*Investment-Linked*) yang berkenaan.



myCritical Illness Plus - Anda boleh fokus pada pemulihan.

Selepas diagnosis mana-mana daripada 48 jenis penyakit kritikal bagi orang yang dilindungi dalam tempoh perlindungan, jumlah perlindungan rider ini akan dibayar selepas tempoh menunggu.

Anda juga boleh menderma kepada badan kebajikan atau meningkatkan pelaburan anda dengan rider berikut:



myCharity - Sumbangan anda bermakna buat mereka

Dari Abu Huraira RA: sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sadaqah Jariah (amal jariah yang berterusan), ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya." [Muslim]

Sekiranya berlaku kematian atau keilangan menyeluruh dan kekal (KMK), sejumlah wang akan disalurkan kepada kategori kebajikan pilihan anda. Anda boleh memilih daripada matlamat-matlamat kebajikan yang bermakna, termasuk:

- Kesihatan dan Perubatan
- Penjagaan Warga Emas
- Pendidikan/Rumah Anak Yatim/Keperluan Khas (kanak-kanak)
- Pembasmian Kemiskinan
- Waqaf/Yayasan
- Perlindungan Alam Sekitar

Rider ini membolehkan anda meninggalkan legasi dengan memastikan caruman anda terus memberi impak, walaupun anda tiada lagi di sini.



mySaver - Tingkatkan pelaburan anda untuk pertumbuhan kewangan masa depan

mySaver menawarkan tambahan nilai secara berkala yang menambah elemen pelaburan kepada pelan asas anda untuk membantu meningkatkan keuntungan kewangan anda dari semasa ke semasa. Anda mempunyai pilihan untuk memilih daripada pelbagai dana patuh Syariah yang membolehkan anda memaksimumkan pulangan anda:

Dana Tempatan

- Dana myBalanced
- Dana myBlue Chips
- Dana myDividend
- Dana myEquity Index
- Dana myGrowth

Dana Global

- Dana myGlobal Sukuk
- Dana myGlobal Sustainable

Dengan lampiran rider ini, anda bukan sahaja meningkatkan perlindungan anda tetapi juga bermanfaat daripada jaminan kewangan jangka panjang hasil daripada pelaburan strategik.

Nota: Sila rujuk Helaian Fakta Dana Induk untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan yang ditawarkan.

Lihat bagaimana **M-Zahra Protect Elite Takaful** membantu anda...



Nama: Ryqarl Reza bin Dato Mustapha

Umur Hari Lahir Akan Datang (ANB): 35 tahun

Pekerjaan: Pengurus Jualan Serantau

Sebagai seorang lelaki yang mementingkan masa depan, Reza telah menumpukan masa mudanya dalam membina kerjaya. Apabila dia berjaya memperoleh pendapatan tinggi yang stabil, dia memanfaatkan fasa seterusnya dalam hidupnya, bersama-sama peluang lain untuk masa depannya.

Menyedari keperluan untuk keselamatan kewangan, Reza memilih pelan caruman yang menawarkan perlindungan menyeluruh. Dia memutuskan bahawa pelan M-Zahra Protect Elite Takaful adalah penyelesaian yang ideal untuk melindungi masa depannya.

Keutamaan perlindungan Reza:		Apakah yang boleh beliau pilih dalam pelan ini?
Caruman:	• 20% dari pendapatan tahunannya • Jangka pendek dan tahunan	• RM206,425 tahunan • 5 tahun bayaran
Tempoh Perlindungan:	Perlindungan jangka panjang	Umur tamat tempoh 80 (45 tahun)
Jumlah Perlindungan Asas (JPA):	Jumlah perlindungan tertinggi tersedia	JPA: RM3 Juta Tertinggi daripada: • JPA; atau NA dalam dana AP; Serta • Tambahan JPA, jika ada; dan • NA dalam dana IL pada tarikh pemberitahuan
Manfaat tambahan:	• Perlindungan tambahan setiap tahun • Peluang untuk amal jariah • Pengecualian caruman	Rider yang boleh dipilih: • myProtect Booster, myCharity, myWaiver

*Nota: NA - Nilai Akaun, AP - Akaun Peserta
Senario di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.*



ANB
38

Tahun Sijil
4 seterusnya

Selepas beliau mencapai **ANB 38** atau **tahun sijil 4**, beliau boleh menuntut:

- **RM2,000 setiap tuntutan, sehingga 5 tuntutan**
- **sekali setiap 3 tahun**

untuk mana-mana peristiwa berikut:

1. **Perkahwinannya atau anaknya**
2. **Mendapat cahaya mata baharu**
3. **Membeli Hartanah baharu**
4. **Beliau lulus dari Pengajian Tinggi***

**Pengajian Tinggi merujuk kepada pendidikan yang disediakan di institusi pasca menengah di Malaysia, seperti universiti dan kolej, yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (Sarjana) dan Doktor Falsafah (PhD). Namun, ia tidak termasuk kursus diploma.*

Jumlah Perlindungan

- ▶ **RM3 Juta**

Caruman

- ▶ **RM206,425**
- ▶ **Tahunan**
- ▶ **5 Tahun**

Umur Tamat Tempoh

- ▶ **ANB 80**

Rider

- ▶ **myProtect Booster**
- ▶ **myCharity**
- ▶ **myWaiver**

ANB
40

Tahun Sijil
6

Jumlah perlindungan asas permulaannya akan:

- **dipertingkatkan secara kekal sebanyak 10% untuk setiap 5 tahun**
- **sehingga peningkatan mencapai 50% daripada jumlah perlindungan asas permulaan**

Peningkatan jumlah perlindungan yang diterimanya adalah maksimum **50% jumlah perlindungan asas permulaan (RM1.5 Juta)**.

Jumlah perlindungan asas semasa beliau ialah **RM4.5 Juta**.

ANB
61

Tahun Sijil
26

Reza memutuskan untuk mengerjakan Umrah. Malangnya, Reza **meninggal dunia semasa di Mekah**.

Memandangkan **beliau meninggal dunia semasa menunaikan Umrah**, waris beliau akan menerima **tambahan 300% jumlah perlindungan asas**.

Secara keseluruhannya, waris beliau akan menerima RM18 Juta.

Jumlah perlindungan rider **myCharity, RM10,000 akan dibayar kepada pertubuhan kebajikan terpilih.**

ANB
65
Tahun Sijil
31

ANB
80
Matang

Jika Reza masih **hidup sehingga sijil matang**, dia akan menerima baki **APnya sebanyak RM2,474,271**, berdasarkan senario tinggi pulangan AP. Jika rider **mySaver** dipilih, jumlah ini juga akan termasuk baki daripada dana **IL***

**berdasarkan senario tinggi*

Nota: Senario di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Ciri-ciri Asas

Maklumat asas yang perlu anda ketahui.

Jenis	Keterangan								
Umur Kemasukan	Orang yang Dilindungi : Umur Minimum 14 hari Umur Maksimum 70 tahun Jika anda menyertai pelan ini untuk anak-anak anda, anda mestilah berumur 17 tahun dan ke atas. <i>Nota: Umur di atas merujuk kepada ANB.</i>								
Tempoh Perlindungan	Pilihan tempoh perlindungan 30 tahun, tempoh matang 70 dan 80 tahun. <table> <tr> <th>Umur Orang yang Dilindungi (ANB)</th><th>Tempoh Perlindungan yang Ditawarkan</th></tr> <tr> <td>14 hari - Umur 50</td><td>30 tahun, tempoh matang 70 dan 80 tahun</td></tr> <tr> <td>Umur 51 - 60</td><td>Tempoh matang 70 dan 80 tahun</td></tr> <tr> <td>Umur 61 - 70</td><td>Tempoh matang 80 tahun</td></tr> </table>	Umur Orang yang Dilindungi (ANB)	Tempoh Perlindungan yang Ditawarkan	14 hari - Umur 50	30 tahun, tempoh matang 70 dan 80 tahun	Umur 51 - 60	Tempoh matang 70 dan 80 tahun	Umur 61 - 70	Tempoh matang 80 tahun
Umur Orang yang Dilindungi (ANB)	Tempoh Perlindungan yang Ditawarkan								
14 hari - Umur 50	30 tahun, tempoh matang 70 dan 80 tahun								
Umur 51 - 60	Tempoh matang 70 dan 80 tahun								
Umur 61 - 70	Tempoh matang 80 tahun								
Jumlah Perlindungan	Minimum: • RM250,000 – untuk umur 14 hari - umur 16 • RM500,000 – untuk umur 17 ke atas Maksimum: Tertakluk kepada pengunderaitan								
Kaedah Caruman	Bulanan, suku tahunan, separuh tahunan dan tahunan								

Ciri-ciri Asas

Jenis	Keterangan										
Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi semasa tempoh perlindungan, pelan ini akan membayar jumlah sekaligus bersamaan dengan: Tertinggi daripada: • Jumlah perlindungan asas; atau • nilai akaun dalam dana AP; Serta • Nilai akaun dalam dana <i>IL</i> pada tarikh pemberitahuan, jika ada. Pelan ini juga membayar manfaat tambahan kematian disebabkan yang berikut:										
	<table><tr><th>Peristiwa</th><th>% daripada Jumlah Perlindungan Asas</th></tr><tr><td>Kematian akibat kemalangan</td><td>100%</td></tr><tr><td>Kematian akibat kemalangan semasa dalam *pengangkutan awam, atau **Kemalangan semasa Musim Perayaan Utama</td><td>200%</td></tr><tr><td>Kematian akibat kemalangan semasa melancong di luar Malaysia</td><td>300%</td></tr><tr><td>Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah atas segala sebab</td><td>300%</td></tr></table>	Peristiwa	% daripada Jumlah Perlindungan Asas	Kematian akibat kemalangan	100%	Kematian akibat kemalangan semasa dalam *pengangkutan awam, atau **Kemalangan semasa Musim Perayaan Utama	200%	Kematian akibat kemalangan semasa melancong di luar Malaysia	300%	Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah atas segala sebab	300%
	Peristiwa	% daripada Jumlah Perlindungan Asas									
	Kematian akibat kemalangan	100%									
	Kematian akibat kemalangan semasa dalam *pengangkutan awam, atau **Kemalangan semasa Musim Perayaan Utama	200%									
	Kematian akibat kemalangan semasa melancong di luar Malaysia	300%									
Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah atas segala sebab	300%										
<i>*Pengangkutan awam bermaksud syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa atau pengangkutan awam berlesen komersial (terhad kepada kenderaan dan kereta api yang beroperasi di jalan raya dan kereta api sahaja) melalui laluan yang ditetapkan dengan jadual tetap seperti bas, kereta api atau monorel. Kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang bentuk pengangkutan yang disewa untuk perjalanan persendirian, dikecualikan.</i>											
<i>**Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan kenderaan bermotor yang berlaku semasa Cuti Umum Kebangsaan Malaysia, iaitu Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.</i>											
Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal	Sekiranya berlaku KMK terhadap orang yang dilindungi sebelum umur 70 tahun pada hari lahir akan datang dan semasa tempoh perlindungan, pelan ini akan membayar jumlah sekaligus yang bersamaan dengan: Tertinggi daripada: • Jumlah perlindungan asas; atau • Nilai akaun dalam dana AP; Serta • Nilai akaun dalam dana <i>IL</i> pada tarikh kelulusan, jika ada. Pelan ini juga membayar tambahan 100% jumlah perlindungan asas jika KMK berlaku akibat kemalangan.										

Ciri-ciri Asas

Jenis	Keterangan
Manfaat Ganjaran Meraikan Kehidupan	Bagi peristiwa berikut, pelan ini akan membayar 50% daripada caruman tahunan kepada peserta sebagai Ganjaran Meraikan Kehidupan: i. Berkahwin (<i>orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi</i>); ii. Mendapat anak (<i>orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi</i>); iii. Membeli hartanah (<i>orang yang dilindungi</i>); atau iv. Lulus Pendidikan Tinggi (<i>orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi</i>). Manfaat ini dihadkan kepada RM2,000 bagi setiap tuntutan sehingga 5 kali. Manfaat ini boleh dituntut dari Tahun Sijil ke-4 dan seterusnya, dengan tempoh menunggu selama 3 tahun diperlukan untuk setiap tuntutan berikutnya. Caruman hendaklah dikemas kini dan tuntutan dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh peristiwa.
Dana Berkaitan Pelaburan Tersedia	i. Dana <i>myBalanced</i> ii. Dana <i>myBlue Chips</i> iii. Dana <i>myDividend</i> iv. Dana <i>myEquity Index</i> v. Dana <i>myGrowth</i> vi. Dana <i>myGlobal Sukuk</i> vii. Dana <i>myGlobal Sustainable</i> <i>Nota: Sila rujuk Helaian Fakta Dana Induk untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan yang ditawarkan.</i>
Manfaat Matang	Pada tarikh matang, pelan ini akan membayar jumlah nilai akaun, jika ada. Jumlah nilai akaun merujuk kepada mana-mana baki dalam dana AP serta sebarang baki dalam dana <i>IL</i>, jika berkenaan.
Penukaran Dana	Dibenarkan, tertakluk kepada jumlah minimum yang dijual untuk membeli unit dalam dana <i>IL</i> lain ialah RM1,000 setiap transaksi.
Pengeluaran Separa	Dibenarkan daripada dana <i>IL</i> sahaja, tertakluk kepada pengeluaran minimum RM500 setiap transaksi. Tiada baki minimum dana selepas pengeluaran tersebut.
Tambah Nilai Caruman	Tambah Nilai Tunggal : Dibenarkan - Jumlah minimum RM500 setiap transaksi. Tambah Nilai Tetap : Dibenarkan - Ini boleh digunakan melalui rider <i>mySaver</i>.

Yuran dan Caj

Jenis	Keterangan
Caj Perkhidmatan	RM5 sebulan
Caj Pengurusan Dana	Minimum : 1.0% daripada NAB* setahun Maksimum : 1.5% daripada NAB* setahun <i>*NAB - Nilai Aset Bersih</i>
Yuran Penukaran Dana	Tiada caj
Yuran Pengeluaran Separa	Tiada caj
Yuran Tambah Nilai	Tiada caj

Nota Penting:

- Takaful adalah skim bantuan bersama berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana kumpulan, yang dinamakan Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko"), yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain. *Tabarru'* merujuk kepada derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta lain. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") sebagai wakil akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah amaun yang anda mampu.
- Amaun prinsipal yang diletakkan di bawah AP dan keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah caruman anda yang bayar.
- Anda dinasihatkan untuk membuat bayaran caruman secara berkala untuk menikmati perlindungan berterusan.
- Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki anda dalam AP telah habis.
- Anda boleh menerima baki di dalam AP (jika ada) semasa penyerahan atau kematangan, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
- Sebarang semakan yuran dan caj, caruman, atau *Tabarru'* akan dibuat pada ulang tahun sijil, dan Takaful Malaysia akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari.
- Terdapat tempoh pemeriksaan percuma selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda menyemak dan memutuskan sama ada anda ingin meneruskan pelan tersebut. Jika anda ingin berhenti, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh bagi caruman anda yang telah dibayar, kecuali *mySaver*.
Untuk *mySaver*, jumlah yang akan dibayar adalah sama dengan jumlah yuran *Wakalah*, serta nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) dengan harga unit pada tarikh penilaian berikutnya selepas Takaful Malaysia mengesahkan permohonan pembatalan anda.
- Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori takaful keluarga (hayat), tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- Takaful Malaysia berhak menukar rakan badan kebajikan dengan memberi notis tiga puluh (30) hari.
- Pengecualian dan batasan manfaat yang diketengahkan tidak lengkap. Takaful Malaysia dengan ini menafikan sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sekiranya anda mengalami kerugian hanya dengan bergantung kepada maklumat yang terkandung di sini.

Brosur ini adalah untuk maklumat sahaja dan bukanlah satu kontrak untuk produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk ilustrasi pemasaran dan helaian pendedahan produk bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri-ciri penting dan manfaat-manfaat pelan untuk kefahaman sebelum menyertai pelan ini.

M-Zahra Protect Elite Takaful merupakan produk yang patuh Syariah.

Pelan takaful ini diedarkan oleh:

Bank Muamalat Malaysia Berhad
196501000376 (6175-W)
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.

Untuk menyertai, sila hubungi 03-2600 5500, lawati mana-mana cawangan Bank Muamalat atau layari www.muamalat.com.my untuk keterangan lanjut serta terma dan syarat.



Diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K)
("Takaful Malaysia") Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Diterbitkan pada: Februari 2025



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.